



<b>Headline</b>	<b>TNB catat kemenangan sulung</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo(www.kosmo.com.my)</b>		
<b>Date</b>	<b>29 Mar 2013</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>NEWS</b>	<b>Circulation</b>	<b>400</b>
<b>Page No</b>	<b>7</b>	<b>Readership</b>	<b>7</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>0 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 1,100</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 3,300</b>

## TNB catat kemenangan sulung

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z8478523311&amp;z=1600249592](http://c.moreover.com/click/here.pl?z8478523311&amp;z=1600249592)

Oleh NOR AZIRAN YUNUSaziran.yunus@kosmo.com.my PASUKAN Tenaga Nasional Berhad (TNB) akhirnya menunjukkan 'taring' sebenar pada saingan Liga Hoki Malaysia TNB (TNBMHL) 2013. Skuad bimbingan Nor Azlan Bakar itu mencatat kemenangan sulung apabila menewaskan pasukan yang dibarisi ramai pemain muda, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) 4-2 di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil semalam. Pada dua perlawanan terdahulu, TNB buntu mencari tiga mata berharga apabila sekadar mencatat keputusan seri menentang pasukan Terengganu Hockey Team (Terengganu HT) 4-4 dan Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) 3-3. Nor Azlan berkata, beliau gembira dengan persembahan yang ditunjukkan oleh pemain-pemainnya kerana berjaya membawa pulang tiga mata. "Saya berpuas hati dengan persembahan oleh pemain-pemain pada hari ini (semalam) dan mereka melakukan seperti yang dirancang. "Bagaimanapun, saya anggap ia sebagai satu permulaan dalam kebangkitan kami kerana hari esok (hari ini) kami ada satu lagi perlawanan penting bertemu Sapura dan saya harap pemain-pemain mampu meneruskan momentum kemenangan ini ketika bertemu Sapura nanti," kata Nor Azlan kepada Kosmo! semalam. Bagi jurulatih UniKL, Arul Selvaraj pula berkata, beliau tetap berbangga dengan persembahan pemain-pemainnya yang telah berusaha gigih dalam perlawanan itu meskipun tewas. Mereka tidak mudah panik walaupun berhadapan dengan pemain-pemain berpengalaman. "Kami memiliki beberapa peluang namun gagal disempurnakan dan saya melihat faktor pengalaman yang memisahkan antara pasukan saya dengan TNB," jelas Arul. Menurut Arul lagi, dia percaya dengan kekalahan itu pemain-pemainnya dapat mempelajari sesuatu yang berharga serta dapat memperbaiki segala kelemahan yang terdapat dalam diri mereka. Sementara itu, dalam lain-lain perlawanan Liga Perdana semalam menyaksikan pasukan Terengganu HT menang bergaya apabila menewaskan pasukan Nur Insafi Warriors 5-1 di Ipoh manakala KLHC terpaksa bergelut sebelum mencatat kemenangan tipis 4-3 ke atas Maybank di Bukit Jalil. Kemenangan itu melonjakkan KLHC selaku pendahulu liga ketika ini dengan mengumpul tujuh mata, diikuti Maybank di tangga kedua dengan enam mata dan TNB ketiga dengan lima mata. ANDAK SPA menyediakan perkhidmatan terapi spa kampung khusus buat kaum Adam. i-MIEV yang berwarna-warni ini milik Masaharu Iwata yang bertugas di Mitsubishi Corporation, Kuala Lumpur. UMPAMA zoo. Itulah gambaran keadaan ladang rusa di UPM.